JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

## STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 44/2020

**RUJUKAN : 5 MEI 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020

www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 5 Mei 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 4,567** atau 71.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,710 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **30 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,383 kes.** Ini merupakan catatan harian terendah semenjak Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 dilaksanakan. Kesemua kes positif baharu adalah melibatkan kes tempatan, di mana sebanyak 21 kes dikesan daripada kluster dan lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Bagi kes mengikut negeri, hanya tiga negeri mencatatkan **pertambahan kes positif baharu** iaitu **W.P. Kuala Lumpur sebanyak 23 kes**, diikuti Selangor (5 kes) dan Sarawak (2 kes). Selain itu, sejumlah **106 kes kematian** dilaporkan sehingga kini dengan pertambahan **satu kes kematian baharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes mengikut daerah menunjukkan **kumulatif kes aktif mengikut zon merah** kembali meningkat kepada **10 daerah** berikutan Petaling mencatatkan 52 kes aktif. Sehingga 4 Mei 2020, antara **daerah atau kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** (100 kes ke atas) adalah **Ibu Kota dengan 156 kes** dan **Kuching sebanyak 115 kes.** Sementara itu, **111 daerah atau kawasan** (termasuk 17 presint di Putrajaya) dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif. Pulau Pinang** merupakan negeri terbaru yang mencatatkan **sifar kes aktif** sejak 24 jam yang lalu.

Di seluruh dunia sehingga kini menunjukkan sebanyak **3,585,387 kes positif COVID-19** direkodkan, melibatkan **251,596 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,180,634 kes** disusuli oleh Sepanyol dengan 218,011 kes dan Itali (211,938 kes). Sebanyak 9 negara telahpun merekodkan kes positif melebihi 100 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan** 19,410 kes jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (11,587 kes), Filipina (9,485 kes) termasuk Malaysia (6,383 kes). Sementara itu, **27.4 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti Itali yang mencatatkan 11.6 peratus dan United Kingdom (11.5 peratus). Kadar kematian global menurun kepada 7.02 peratus manakala kes sembuh yang direkodkan sehingga kini adalah sebanyak 1,168,438 kes (32.6 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**AS**: **Pentadbiran Trump meningkatkan tekanan bagi menyingkirkan China dari rantaian bekalan global**. Pentadbiran di bawah Trump sedang mempertingkat inisiatif bagi menyingkirkan bekalan industri global dari China dengan menimbang tarif baharu untuk menghukum Beijing atas penularan wabak COVID-19. Presiden AS Donald Trump menyelar dan berhasrat meningkat serangan ekonomi ke atas China. Ini adalah propaganda Trump menjelang pilihan raya presiden AS yang di jadualkan 3 November 2020. Kini, kemelesetan ekonomi dan jumlah kematian akibat COVID-19 di AS meningkat, mendorong desakan kerajaan AS untuk mengelak pergantungan pengeluaran dan bekalan AS dari China. (Reuters)

**EU**: **Indeks keyakinan pelabur Sentix zon Eropah menunjukan tanda kestabilan bermula**. Tinjauan dari firma Penyelidikan tingkah-laku Sentix menunjukkan keyakinan pelabur zon Eropah meningkat sedikit pada bulan Mei. Prestasi ini menunjukkan permulaan fasa penstabilan semula setelah mengalami penyusutan akibat COVID-19. Indeks keyakinan pelabur Sentix utama meningkat kepada -41.8 pada bulan Mei daripada -42.9 pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, ini lebih lemah daripada ramalan ekonomi -33.5. Kejatuhan indeks ini sebabkan oleh langkah-langkah kerajaan untuk menghentikan penyebaran virus COVID-19. (RTT)

**KOREA SELATAN**: Inflasi perlahan ke paras terendah dalam jangka masa enam bulan. **Inflasi Korea Selatan perlahan ke tahap terendah dalam jangka masa enam bulan pada April 2020** akibat pengguna mengurangkan perbelanjaan semasa pandemik COVID-19. Harga pengguna meningkat 0.1 peratus (*YoY*) pada bulan April, yang berada di bawah jangkaan pasaran. Sementara itu, pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, inflasi turun 0.6 peratus *MoM*. Inflasi teras April turut mencatatkan pertumbuhan paling perlahan sejak September 1999 apabila meningkat 0.3 peratus. (Bernama)

**INDONESIA**: **Pertumbuhan ekonomi Indonesia pada suku pertama 2020 lebih perlahan dari dijangkakan** dan merupakan **paling lemah dalam tempoh dua dekad**. Ekonomi terbesar di Asia Tenggara itu tumbuh 2.97 peratus pada Januari-Mac 2020. Prestasi ini adalah **lebih rendah berbanding 4.04 peratus dan 4.3 peratus yang diramalkan dari tinjauan Reuters dan Bank Indonesia**. Pada asas perbandingan suku tahun ke suku tahun, ekonomi Indonesia menguncup -2.41 peratus. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Keputusan kerajaan untuk membenarkan **sektor agrikomoditi beroperasi** penuh melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) **dapat mengelak sumber pendapatan pekebun kecil menyusut** dan membendung pertumbuhan ekonomi daripada terencat. Keputusan ini dijangka memberi **manfaat kepada 977,206 orang pekebun kecil agrikomoditi**.

2. **Industri pelancongan Melaka** dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya **dua tahun untuk pulih sepenuhnya** ekoran impak penularan COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Antara faktor penyumbang adalah penutupan sementara dan kekal beberapa fasiliti pelancongan termasuk hotel sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3. **Industri runcit menyambung semula operasi** pada 4 Mei 2020 susulan pembukaan semula bagi hampir semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan di bawah norma baharu selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Industri runcit dijangka **mengalami pemulihan** yang perlahan namun **mula berkembang dan meningkat dalam masa tiga hingga enam bulan**. **Sekitar 50 peratus** segmen telah **kembali beroperasi pada masa ini**.

4. **Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) cawangan Sarawak memohon** untuk Kerajaan Negeri **membenarkan syarikat pengeluar meneruskan operasi** dengan **separuh tenaga kerja** bagi memastikan syarikat-syarikat Sarawak dapat bertahan dalam tempoh yang mencabar ini dan mengekalkan pengangguran yang rendah.

5. **59 Dewan perdagangan dan persatuan industri menyokong** keputusan kerajaan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) **membenarkan sektor ekonomi mula beroperasi** pada 4 Mei 2020 mengikut SOP yang ditetapkan.

6. **Pusat Pengurusan Krisis Wilayah Persekutuan** telah **mengarahkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan** untuk menjalankan **ujian swab pada semua pekerja pembinaan** sehingga 12 Mei. Ini perlu dilakukan sebelum syarikat kembali bekerja. Terdapat kira-kira 1,200 tapak pembinaan di Kuala Lumpur.

7. **Kontraktor yang berdaftar sebagai G1-G4** dengan CIDB **dibenarkan untuk menyambung semula kerja** di lokasi. **Kontraktor dari G5-G7 dilarang** dari pengecualian ini dan mengakibatkan **17,000 syarikat akan**

**terjejas.** Mereka mewakili sebahagian besar pekerja dan tenaga kerja **berjumlah 850,000 pekerja** dalam **industri pembinaan**, berdasarkan statistik 2018 dari CIDB.

8. **Malaysia telah kehilangan** sekitar **RM63 bilion**. Negara akan kehilangan **RM35 bilion lagi jika MCO berterusan** selama sebulan lagi. Rehda menasihati para pemaju dan kontraktor untuk mengambil langkah berjaga-jaga tambahan selama tempoh CMCO untuk memutuskan rantaian dalam mencegah penyebaran wabak tersebut.

9. **Menara Merdeka 118 (RM5 bilion)** ketika ini berada pada tahap **kemajuan 50 peratus siap** dengan ketinggian semasa adalah 111 tingkat. Ianya lebih kurang tujuh tingkat lagi untuk disiapkan. Namun, projek ini mungkin berdepan sedikit kelewatan selepas kerja pembinaan **terhenti akibat PKP** dan mungkin memerlukan tempoh lanjutan antara dua hingga tiga bulan.

10. IHS Markit Purchasing Manager's Index (PMI) menunjukkan keadaan **operasi pengilang di Asean paling teruk terjejas dalam 8 tahun** semasa pandemik COVID-19. Hal ini kerana **pengurangan pengeluaran, pesanan baru, pekerjaan dan inventori** pra-pengeluaran buat kali pertama.

11. Sehingga penghujung April, **lebih 52,000 pekerja** sudah diluluskan bagi Program Pengekalan Pekerja (ERP) yang bertujuan **memberi sokongan sebanyak RM600 sebulan selama enam bulan** kepada pekerja yang bercuti tanpa gaji. Ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyokong kelangsungan perniagaan dan melindungi pekerja dan kerajaan bersetuju untuk **menambah peruntukan sebanyak RM120 juta.**

12. Survei yang dijalankan oleh Korn Ferry menunjukkan **83 peratus syarikat di Malaysia tidak mempertimbangkan pemberhentian pekerja** sebaliknya memfokuskan kepada langkah **pengurusan kos** seperti gaji, insentif jangka pendek dan bonus tahunan.

13. Golongan bekerja sendiri, iaitu **usahawan mikro paling terjejas** dan terdedah kepada kehilangan pekerjaan dan mengalami **penurunan pendapatan** sehingga **94.8 peratus.**

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **BERNAMA** | **Kebenaran operasi penuh agrikomoditi elak sumber pendapatan negara, pekebun kecil terjejas**<br><br>Keputusan kerajaan untuk membenarkan sektor agrikomoditi beroperasi penuh melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dapat mengelak sumber pendapatan pekebun kecil menyusut dan membendung pertumbuhan ekonomi daripada terencat.<br><br>Menteri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata keputusan kerajaan untuk membuka semula sektor ekonomi yang merangkumi agrikomoditi adalah diharapkan akan berupaya untuk memberi impak positif kepada ekonomi negara tanpa mengenepikan kesejahteraan rakyat khususnya 977,206 orang pekebun kecil agrikomoditi.<br><br>Di bawah PKPB, sektor agrikomoditi yang dibenarkan beroperasi merangkumi aktiviti perladangan dan perkilangan sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf dan biodiesel. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1838619 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The STAR** | **Sarawak FMM urges state govt to allow manufacturers resume ops with reduced workforce**<br><br>The Sarawak branch of the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) has urged the state government to consider allowing manufacturers to resume operations with a reduced workforce.<br><br>About 20% of FMM members in Sarawak had been approved by the International Trade and Industry Ministry (MITI) to operate during the fourth phase of the movement control order (MCO) but must get the state government's approval first before they were allowed to resume operations.<br><br>His also said companies that wished to operate fully during the MCO should be allowed to do so on a case-by-case basis, while manufacturers in non-essential sectors should be allowed to start operating with a 30% to 50% workforce.<br><br>He said these proposals would help ensure that Sarawakian companies could survive during this challenging period and keep unemployment low. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/05/sarawak-fmm-urges-state-govt-to-allow-manufacturers-resume-ops-with-reduced-workforce |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Menurut Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, keputusan kerajaan untuk membenarkan sektor agrikomoditi beroperasi penuh melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dapat mengelak sumber pendapatan 977,206 orang pekebun kecil agrikomoditi menyusut dan membendung pertumbuhan ekonomi daripada terencat.
2. Artikel 3 – Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) cawangan Sarawak memohon untuk Kerajaan Negeri membenarkan syarikat pengeluar meneruskan operasi dengan separuh tenaga kerja bagi

| | | | |
|---|---|---|---|
| | memastikan syarikat-syarikat Sarawak dapat bertahan dalam tempoh yang mencabar ini dan mengekalkan pengangguran yang rendah. | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Arahan PKPB akan dapat membantu pekebun kecil sektor agrokomoditi yang telah terjejas pada fasa awal PKP dan ini secara tidak langsung akan memberi kesan positif kepada prestasi sektor Pertanian negara. Pada tahun 2019, sektor Pertanian bertumbuh 1.8 peratus berbanding 0.1 peratus pada tahun sebelumnya dengan sumbangan sebanyak 7.1 peratus kepada KDNK Malaysia. | | | |
| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita harian** | **PKPB: Soalan lazim berkaitan operasi sektor makanan di Wilayah Persekutuan**<br><br>Wilayah Persekutuan telah mengeluarkan SOP peroperasi perniagaan dalam tempoh PKPB kepada semua peniaga sektor makanan dan peruncitan di seluruh Wilayah Persekutuan. | **Berita harian** |
| 2. | **Berita harian** | **Langgar SOP, pasar raya dan kedai emas di Kulai diarah tutup**<br><br>Sebuah pasar raya dan kedai emas di Kulai diarahkan tutup pada hari pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), semalam.<br><br>Notis penutupan dikeluarkan terhadap dua premis itu berikutan gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sektor perniagaan ketika PKPB mengikut Seksyen 18(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. | **Berita harian** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Suara Sarawak** | **Belum banyak premis perniagaan beroperasi semasa PKPB**<br><br>Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula semalam membenarkan hampir semua sektor ekonomi dan sosial dibuka semula namun masih banyak premis perniagaan belum bersedia untuk beroperasi sepenuhnya.<br><br>Ini mungkin disebabkan mereka perlu membuat persediaan untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketat yang ditetapkan Kementerian Kesihatan bagi membendung penularan wabak COVID-19. | **Suara Sarawak** |
| 4. | **Bernama** | **Keuntungan bersih Nestle merosot kepada RM186.31 juta pada suku pertama**<br><br>Keuntungan bersih Nestle (Malaysia) Bhd merosot pada suku tahun pertama kepada RM186.31 juta pada suku pertama yang berakhir pada 31 Mac, 2020 daripada RM235.22 juta pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.<br>Kebanyakannya disebabkan oleh penurunan penjualan domestik sebanyak 3.4 peratus, yang diatasi oleh pertumbuhan penjualan eksport yang kukuh sebanyak 8.8 peratus. Kesan terhadap penjualan domestik daripada COVID-19 terhadap perniagaan berikutan penutupan restoran, kedai kopi dan kebanyakan kedai makanan yang lain. | **Bernama** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **Berita Harian** | **Dewan perniagaan sokong MITI buka ekonomi**<br><br>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) membenarkan majoriti sektor ekonomi beroperasi semula, semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula semalam mengikut kepatuhan ketat prosedur operasi standard (SOP) dan Dewan perdagangan dan persatuan industri menyokong keputusan kerajaan tersebut. | **Berita Harian** |
| | **B. Subsektor Makanan & Minuman** | | |
| 6. | **Berita RTM** | **PKPB : Kedah tidak benarkan orang ramai makan dan minum di restoran dan gerai makanan**<br><br>Kerajaan Negeri Kedah tidak membenarkan orang ramai makan dan minum di restoran dan gerai makanan berkuatkuasa serta merta ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Premis terbabit hanya dibenarkan beroperasi bermula 8 pagi hingga 8 malam, manakala peniaga Islam beroperasi dari jam 3 petang hingga 8 malam di bulan Ramadan ini.<br><br>Selain itu, aktiviti jogging dan berbasikal dibenarkan di kawasan perumahan dan kediaman sahaja manakala taman awam dan pusat rekreasi tidak dibuka. | http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18085-pkpb-kedah-tidak-benarkan-orang-ramai-makan-dan-minum-di-restoran-dan-gerai-makanan |

Penemuan penting & isu:

1. Semua pihak bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh KKM untuk sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini.

2. Kesan Penjualan Nestle (Malaysia) Bhd merosot pada Suku pertama yang berakhir pada 31 Mac 2020.
3. 59 Dewan perdagangan dan persatuan industri menyokong keputusan kerajaan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) membenarkan sektor ekonomi mula beroperasi pada 4 Mei 2020 mengikut SOP yang ditetapkan.
4. Kedah bersetuju untuk melaksanakan PKPB dengan beberapa penambahbaikan SOP yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebenaran operasi semula industri tahap 1,2 dan 3 ini dapat memberi anjakan kepada pemulihan sistem rantaian bekalan barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi permintaan domestik dan luar negara.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian** | **India dijangka kembali import minyak sawit Malaysia**<br><br>India dijangka kembali semula mengimport minyak sawit dari Malaysia terutamanya sekiranya situasi pandemik koronavirus (Covid-19) di Indonesia semakin memburuk dan negara itu mengenakan sekatan pergerakan sepenuhnya seperti yang dilakukan oleh kebanyakan negara pada masa ini.<br><br>Malaysia ketika ini masih berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun industri minyak sawit terus beroperasi berikutan kepentingannya kepada ekonomi negara. Sektor perladangan dibenarkan menyambung semula operasi mereka di samping kilang penapis dan pengeluar minyak masak. | https://www.sinarharian.com.my/article/82137/BERITA/Nasional/India-dijangka-kembali-import-minyak-sawit-Malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **New Straits Times** | **Covid-19 has threatened world food security**<br><br>Experts in the food security industry are calling for more emphasis to be given to the agricultural and farming sectors to ensure food security in the region.<br><br>The Covid-19 pandemic is one example where there is worldwide concern about food security because of border closures, closure of restaurants and countries banning exports that affected the food supply chain.<br><br>The lack of importance given to food security would not only cause a food shortage, but would also affect the food supply chain and production, possibly crippling a nation. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/05/589953/covid-19-has-threatened-world-food-security |

Penemuan penting & isu:

1. India dijangka kembali semula mengimport minyak sawit dari Malaysia terutamanya sekiranya situasi pandemik koronavirus (Covid-19) di Indonesia semakin memburuk dan negara itu mengenakan sekatan pergerakan sepenuhnya seperti yang dilakukan oleh kebanyakan negara pada masa ini.
2. Pandemik COVID-19 berkemungkinan akan menyebabkan gangguan yang teruk terhadap bekalan makanan dan rantaian pengeluaran global kerana kebanyakan negara menyekat pengeksportan makanan. Sebagai contoh, Vietnam menangguhkan kontrak baharu eksport beras dan Filipina juga telah menghentikan eksport beras untuk memastikan bekalan domestik mencukupi bagi menghadapi COVID-19. Pada 26 Mac 2020, Thailand telah mengenakan larangan eksport ke atas telur ayam. Namun, telah menghentikan larangan eksport tersebut bermula 1 Mei 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import minyak sawit mentah (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengimport minyak sawit

mentah bernilai RM306.7 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak sawit mentah meningkat RM91.1 juta atau 42.3% daripada RM215.6 juta. Manakala, nilai eksport minyak sawit mentah ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Mac 2020, eksport minyak sawit mentah bernilai RM2.7 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak sawit mentah jatuh sebanyak RM129.4 juta atau 4.6% daripada RM2.8 bilion.

2. Nilai import makanan (SITC 0) pada tahun 2019 bernilai RM51.5 bilion. Sumber utama import ialah China (RM6.1 bilion, 11.9%), Thailand (RM4.7 bilion, 9.2%) dan Argentina (RM4.3 bilion, 8.3%). Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengimport makanan bernilai RM5.3 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import makanan meningkat RM950.0 juta atau 21.9% daripada RM4.3 bilion. Manakala, nilai eksport makanan pada tahun 2019 bernilai RM34.1 bilion. Malaysia mengeksport makanan ke Singapura (RM6.7 bilion, 19.7%), China (RM3.9 bilion, 11.4%) dan Indonesia (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengeksport makanan bernilai RM2.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport makanan jatuh sebanyak RM120.2 juta atau 4.2% daripada RM2.9 bilion.
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Free Malaysia Today** | **Pavilion Embassy construction site under targeted MCO**<br><br>The Pavilion Embassy construction site has been placed under targeted enhanced movement control order (TEMCO) after 28 construction workers tested positive for Covid-19. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/05/05/pavilion-embassy-construction-site-under-targeted-mco/ |
| 2. | **Iproperty** | **What is the impact of COVID-19 on Malaysia's construction industry & what can be done?**<br><br>The government should enact a COVID-19 Moratorium & Relief Act to provide some respite to the construction industry's | https://www.iproperty.com.my/news/covid-19-impact-malaysia-construction-industry-what-can-be-done/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | affected parties. HBA has proposed the following provisions on reprieve for 'Inability to perform Construction Contract' and 'Construction Related Contract'. | |
| 3. | **New Straits Times** | **Practice SOP at construction sites during CMCO, says Rehda**<br><br>The Real Estate and Housing Developers' Association (Rehda) Malaysia is calling on developers and construction companies to fully abide by the standard operating procedure (SOP) for the construction industry when operating under the conditional movement control order (CMCO) phase 5. | https://www.nst.com.my/property/2020/05/590102/practice-sop-construction-sites-during-cmco-says-rehda |
| 4. | **Malaysia Gazette** | **Sambung bina Menara Merdeka 118**<br><br>MENARA Merdeka 118, projek pembangunan Permodalan Nasional Berhad (PNB) menerusi anak syarikat miliknya, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd akan menyambung kerja pembinaan minggu ini selepas tergendala kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/574703/sambung-bina-menara-merdeka-118 |

Penemuan penting & isu:

1. Pusat Pengurusan Krisis Wilayah Persekutuan telah mengarahkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan untuk menjalankan ujian swab pada semua pekerja pembinaan sehingga 12 Mei. Ini perlu dilakukan sebelum syarikat kembali bekerja. Terdapat kira-kira 1,200 tapak pembinaan di Kuala Lumpur.
2. Kontraktor yang berdaftar sebagai G1-G4 dengan CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan) yang dibenarkan untuk menyambung semula kerja di lokasi, sedangkan kontraktor dari G5-G7 dilarang dari pengecualian ini. Akibatnya, sebanyak 17,000 syarikat akan terjejas, dan syarikat-syarikat ini adalah pemacu utama industri pembinaan. Mereka

| | | | |
|---|---|---|---|
| mewakili sebahagian besar pekerja dan tenaga kerja berjumlah 850,000 pekerja dalam industri pembinaan, berdasarkan statistik 2018 dari CIDB.<br>3. Malaysia telah kehilangan sekitar RM63 bilion. Negara akan kehilangan RM35 bilion lagi jika MCO berterusan selama sebulan lagi. Rehda menasihati para pemaju dan kontraktor untuk mengambil langkah berjaga-jaga tambahan selama tempoh CMCO untuk memutuskan rantaian dalam mencegah penyebaran wabak tersebut.<br>4. Menara Merdeka 118 (RM 5 bilion) ketika ini berada pada tahap kemajuan 50 peratus siap dengan ketinggian semasa adalah 111 tingkat. Ianya lebih kurang tujuh tingkat lagi untuk disiapkan. Namun, projek ini mungkin berdepan sedikit kelewatan selepas kerja pembinaan terhenti akibat PKP dan mungkin memerlukan tempoh lanjutan antara dua hingga tiga bulan. | | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Bahagian mengambil maklum dan membuat semakan berkenaan penutupan tapak pembinaan di Kuala Lumpur akibat penularan wabak Covid-19.<br>2. Bahagian akan membuat semakan sumbangan pekerja pembinaan berdasarkan Gred kontraktor CIDB yang memberi kesan kepada kehilangan pekerjaan sepanjang PKP dan selepas PKP.<br>3. BPPIB mengambil maklum berkenaan pekerja asing yang perlu menjalani ujian Covid-19 bagi megelak kluster baharu Covid-19.<br>4. BPPIB mengambil maklum dan akan membuat semakan ke atas projek-projek mega yang terkesan akaibat PKP. | | | |
| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Pelonggaran perintah berkurung lonjak saham, minyak**<br><br>Pasaran saham dan minyak meningkat hari ini apabila pelabur menyambut baik pelonggaran perintah berkurung di beberapa negara. Ia mengimbangi pertikaian antara Amerika Syarikat (AS) dan China yang dibimbangi beberapa pihak boleh menyebabkan perang perdagangan bermula semula. Walaupun angka kematian daripada COVID-19 melepasi 250,000 orang dan jangkitan menghampiri 3.6 juta orang, | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/685419/pelonggaran-perintah-berkurung-lonjak-saham-minyak |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | terdapat isyarat ia semakin berkurangan, membolehkan kerajaan di Eropah dan sebahagian di Asia Pasifik dan beberapa negeri di AS membenarkan sesetengah perniagaan dibuka semula. | |
| 2. | **Berita Harian** | **Bursa Malaysia dibuka tinggi**<br><br>Bursa Malaysia dibuka tinggi sejajar dengan peningkatan semalaman di Wall Street. Pada 9.05 pagi, indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) naik 6.92 mata kepada 1,383.51 daripada 1,376.59 semasa ditutup pada Isnin. FBM KLCI dibuka tinggi 2.16 mata kepada 1,378.75. Suasana pasaran positif dengan kaunter untung mengatasi kaunter rugi sebanyak 261 berbanding 57, manakala 176 kaunter tidak berubah, 1,382 tidak diniagakan dan 17 yang lain digantung. Jumlah dagangan sebanyak 374.41 juta saham bernilai RM113.49 juta. Malacca Securities Sdn Bhd berkata, dijangka berlaku aktiviti belian saham pada harga rendah yang sederhana, disokong oleh harga minyak mentah yang pulih. Brent naik 3.79 peratus kepada AS$28.23 setong. Pemulihan dijangka sederhana dengan halangan dikesan pada paras 1,400, diikuti paras 1,430 buat masa ini dan di bahagian penurunan, sokongan dikesan pada paras 1,360 dan 1,350. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/685330/bursa-malaysia-dibuka-tinggi |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Akhbar 1: Dengan pelaporan kes aktif yang menunjukkan pandemik COVID-19 semakin berkurangan, pelonggaran perintah berkurung di beberapa Negara Eropah dan Asia Pasifik telah melonjak prestasi saham dan minyak.<br>2. Akhbar 2: Bursa Malaysia dibuka tinggi sejajar dengan peningkatan indeks utama FBM KLCI naik 2.16 mata kepada 1,378.75 daripada 1,376.59 semasa ditutup pada Isnin. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Akhbar 1 dan 2: Peningkatan dalam prestasi pasaran saham di beberapa Negara Eropah dan Asia Pasifik dan Prestasi Bursa Malaysia yang dibuka tinggi bakal dilihat kesannya dalam penyusunan Akaun Pendapatan Primer dan Akaun Kewangan. Aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion telah dicatatkan dalam Akaun Kewangan pada tahun 2019. |

| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Industri pelancongan Melaka ambil masa dua tahun untuk pulih**<br><br>Industri pelancongan Melaka dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun untuk pulih sepenuhnya ekoran impak penularan COVID-19 yang melanda seluruh dunia, kata Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Melaka.<br><br>Antaranya faktor yang menyumbang adalah penutupan sementara dan kekal beberapa fasiliti pelancongan termasuk hotel sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan serta keyakinan pelancong untuk berkunjung ke negeri ini. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1838586 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Usaha mengembalikan kegemilangan Melaka sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di dalam dan luar negara memerlukan kerjasama erat pelbagai pihak khususnya pemain industri dari pelbagai sektor pelancongan. | |
| 2. | **Malaysiakini** | **BNM dijangka turunkan OPR kepada 2 peratus**<br><br>Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada dua peratus hari ini, kadar terendah dalam tempoh sedekad.<br><br>Menurut tinjauan Bloomberg, BNM akan mengurangkan OPR sehingga 50 mata asas (50 bps) bagi mengurangkan impak kepada ekonomi susulan pandemik Covid-19.<br><br>BNM akan menurunkan OPR kepada dua peratus, tahap terendah sejak 2010, daripada 2.5 peratus, menurut 14 daripada 20 ahli ekonomi yang menyertai tinjauan Bloomberg. | https://www.malaysiakini.com/news/524124 |
| 3. | **The Malaysian Reserve** | **Retail industry resumes biz, expects slow recovery**<br><br>The retail industry is pumped at the prospect of resuming operations, as nearly all economic sectors and business activities woke up to a new normal under the Conditional Movement Control Order (CMCO) yesterday. | https://themalaysianreserve.com/2020/05/05/retail-industry-resumes-biz-expects-slow-recovery/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The retail industry is expecting a slow recovery towards the end of the year and businesses must follow the necessary safety and health guidelines to prevent a new wave of Covid-19 hitting Malaysia.<br><br>In the long run, we can expect that businesses will start to grow and pick up in sales within three to six months.<br><br>Currently, around 50% of the retail segment has returned to normal operations, with the other half waiting for further notice from their respective state governments to resume businesses. | |

Penemuan penting & isu:

1. Industri pelancongan Melaka dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun untuk pulih sepenuhnya ekoran impak penularan COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Antara faktor penyumbang adalah penutupan sementara dan kekal beberapa fasiliti pelancongan termasuk hotel sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Industri runcit menyambung semula operasi pada 4 Mei 2020 susulan pembukaan semula bagi hampir semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan di bawah norma baharu selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Industri runcit dijangka mengalami pemulihan yang perlahan namun mula berkembang dan meningkat dalam masa tiga hingga enam bulan. Sekitar 50% segmen telah kembali beroperasi pada masa ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Keputusan Kerajaan untuk membenarkan hampir kesemua aktiviti ekonomi beroperasi akan mengiatkan ekonomi. Sektor agrikomoditi yang mempunyai pelbagai aktiviti hiliran akan menjana pendapatan peniaga dalam sektor ini. Perdagangan borong dan runcit yang mula beroperasi pula akan membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara memandangkan aktiviti ini menyumbang 15.1% kepada KDNK Malaysia pada 2019.

| G. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian** | **Gelandangan ketika Perintah Kawalan Pergerakan**<br><br>MASALAH gelandangan adalah masalah sejagat. Gelandangan dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu penagih dadah, pesakit mental, pekerja yang tiada tempat tinggal dan juga penganggur yang tiada kediaman. Dalam keadaan negara dilanda wabak Covid-19, golongan gelandangan mempunyai risiko tinggi terdedah kepada virus yang berbahaya itu. | https://www.sinarharian.com.my/article/82003/KHAS/Pendapat/Gelandangan-ketika-Perintah-Kawalan-Pergerakan |
| 2. | **Metro** | **Kerajaan tambah peruntukan untuk ERP**<br><br>Kerajaan menambah peruntukan sebanyak RM120 juta untuk Program Pengekalan Pekerja (ERP) yang dikendalikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak RM240 juta. Perkeso memberi sokongan sebanyak RM600 sebulan selama enam bulan kepada pekerja yang bercuti tanpa gaji. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/574860/kerajaan-tambah-peruntukan-untuk-erp |
| 3. | **Astro Awani** | **6,840 PKS terima RM3 bilion kemudahan dana pinjaman mudah – Tengku Zafrul**<br><br>KUALA LUMPUR: Sehingga 5 Mei, 2020, sebanyak 6,840 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menerima kemudahan dana pinjaman mudah berjumlah RM3 bilion yang disalurkan kerajaan, kata Menteri Kewangan | https://beta.astroawani.com/berita-malaysia/6840-pks-terima-rm3-bilion-kemudahan-dana-pinjaman-mudah-tengku-zafrul-241615 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz. | |
| 4. | **Berita Harian** | **PKPB bantu usahawan mikro**<br><br>KUALA LUMPUR: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) membantu meringankan beban dan melancarkan aliran tunai usahawan mikro yang selama ini tidak dapat beroperasi akibat penularan COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685583/pkpb-bantu-usahawan-mikro |
| 5. | **Berita Harian** | **Penarik beca setia menunggu walau kurang sambutan**<br><br>Abdul Jalil mengatakan beliau telah menjalankan perkhidmatan penarik beca sejak 30 tahun lalu dan buat pertama kali terpaksa memberhentikan perkhidmatan lebih sebulan PKP. Sambutan pelanggan semasa PKPB terhadap perkhidmatannya semakin menurun dan lebih teruk semenjak PKP berkuatkuasa. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/685428/penarik-beca-setia-menunggu-walau-kurang-sambutan |
| 6. | **Berita Harian** | **DBKL akan semak lesen perniagaan, penjaja**<br><br>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melakukan semakan terperinci semua lesen perniagaan termasuk penjaja bagi mengekang aktiviti menjual, memberi dan memajak lesen kepada warga asing. Satu sistem senarai hitam dibangunkan bagi menjejaki pihak yang ingkar dengan memohon lesen tetapi menjualnya kepada warga asing.<br><br>Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, mahu | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685491/dbkl-akan-semak-lesen-perniagaan-penjaja |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | peniaga dan penjaja memiliki lesen perniagaan sah tetapi memberi, meminjam serta memajaknya kepada warga asing supaya memulangkan semula lesen berkenaan kepada pihak berkuasa. | |

Penemuan penting & isu:

1. Seramai 864 gelandangan diselamatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Mereka ditempatkan di 12 pusat komuniti dan dewan serbaguna yang dijadikan penempatan sementara. Bandar Kota Bharu juga mempunyai gelandangan walaupun tidak seramai di negeri-negeri lain.
2. Sehingga hujung April, lebih 52,000 pekerja telah diterima dan diluluskan. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyokong kelangsungan perniagaan dan melindungi pekerjaan rakyat, khususnya dalam kita memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini, kerajaan bersetuju untuk menambah peruntukan untuk ERP sebanyak RM120 juta. Sehingga 3 Mei 2020, pinjaman di bawah Dana Pinjaman Mudah PKS yang telah diluluskan oleh bank dan disetuju terima oleh PKS adalah berjumlah RM3 bilion membabitkan 6,840 perusahaan kecil dan sederhana (PKS).
3. DBKL sama sekali tidak pernah membenarkan warga asing memiliki lesen perniagaan dan pihak yang memberi lesen kepada mereka jelas melanggar undang-undang. Ini termasuk untuk penjaja dan peniaga kecil, pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar basah, kedai kaki lima kekal serta kedai tekstil, kiosk perniagaan, restoran, kafe, kedai makan, pub, kedai barang emas, produk herba, bengkel motor dan kereta, kedai kaca, kedai aluminium, perniagaan runcit, premis menjual aksesori, perabot jati dan am, kedai gunting rambut, pusat siber, perniagaan kad prabayar dan aksesori telefon, dobi, spa dan salon.

Maklum balas Bahagian:

1. Semua pihak seharusnya mengambil peranan dalam membantu golongan gelandangan. Perkara yang paling penting dalam menangani isu gelandangan dari akar umbi adalah peranan yang dimainkan oleh keluarga. Jika setiap keluarga memainkan peranan mereka dengan sebaik mungkin dan menyediakan sokongan yang diperlukan, tiadalah masalah orang yang disisihkan oleh keluarga atau masyarakat hingga hidup sebagai gelandangan. Mungkin ada segelintir kecil yang sememangnya suka hidup di jalanan tapi bilangan mereka sangat sedikit. Gelandangan juga akan dibanci bagi mendapatkan keseluruhan penduduk Malaysia.
